

MENINGKATKAN KEBERKESANAN KAWALAN KELAS MENGGUNAKAN KAEDAH GANJARAN DAN HUKUMAN UNTUK MURID-MURID TAHUN 3

Oleh

Ngu Mee Kok
mee_kok89@hotmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai bagaimana Kaedah Ganjaran dan Hukuman dapat membantu saya meningkatkan keberkesanan kawalan kelas. Penyelidikan tindakan ini secara tidak langsung turut meningkatkan minat murid-murid terhadap pengajaran dan pembelajaran(P&P) saya. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 45 murid Tahun Tiga dari sebuah sekolah rendah di kawasan Bandaraya Kuching. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, soal-selidik dan temu-bual. Data-data yang dikumpul kemudian dianalisis dari segi kandungan dan pola. Penyemakan data yang telah dikumpul dan dianalisis pula dilaksanakan melalui traingulasi kaedah, masa dan sumber. Hasil kajian menunjukkan Kaedah Ganjaran dan Hukuman yang dilaksanakan adalah berkesan dan berupaya untuk membantu saya dari segi kawalan kelas. Secara tidak langsung, Kaedah Ganjaran dan Hukuman ini turut dapat meningkatkan minat murid-murid dalam P&P saya .

Kata kunci: Kaedah Ganjaran dan Hukuman, murid tahun Tiga, keberkesanan, kawalan kelas, meningkatkan minat.

ABSTRACT

The purpose of the study was to investigate the effectiveness of the Reward and Punishment Method used in terms of class control. This study also showed that pupils interest towards my lesson conducted in class have been increased as well. The respondent of this research consists of 45 Year Three students from a primary school in the City of Kuching. The data of this study was collected by observation in class, questionnaires and interviews. The data was then analyzed and interpreted using content and pattern analysis. Data collected and analyzed was checked using method, time and persons' triangulation. The results of the study showed that the Reward and Punishment Method was affective to a large extent in improving the class control and their interests towards lesson in class have been greatly increased as well.

Key words: Reward and Punishment Method, year three students, effectiveness, class control, increase interest.

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Sekolah merupakan institusi sosial yang memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang cemerlang. Keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu elemen penting dalam merealisasikan matlamat sekolah. Namun, keadaan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai.

Berdasarkan pengalaman dari beberapa praktikum yang lepas dan juga internship, saya mendapati bahawa kawalan kelas merupakan masalah utama yang sering saya hadapi. Terdapat banyak karenah-karenah (tingkah laku bermasalah) murid yang perlu saya uruskan setiap hari, antaranya murid tidak mendengar arahan, tidak menghantar kerja rumah, berbual dengan kawan ataupun bising sewaktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan P&P kelas tidak berjalan dengan lancar dan dari segi pengurusan masa juga turut terjejas. Maka, beberapa persoalan terlintas di fikiran saya;

- i. Adakah cara kawalan kelas yang saya gunakan tidak sesuai dengan murid-murid?
- ii. Apakah yang harus saya lakukan untuk mengatasi masalah kawalan kelas ini?

Dalam konteks pendidikan, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku murid yang boleh menjejaskan kelicinan atau keberkesanan pengajaran dan pengajaran khasnya di dalam bilik darjah.

Sebelum ini, saya selalu berpegang kepada nilai dan kepercayaan bahawa sekiranya aktiviti P&P yang disediakan adalah berpusatkan kepada murid dan menarik, maka kawalan kelas tidak akan menjadi satu masalah kerana apabila murid-murid tertarik dengan P&P, mereka tidak akan mengundang masalah kepada guru. Namun, pada hakikatnya hasil yang saya perolehi adalah berbeza dengan nilai dan kepercayaan saya.

Masalah kawalan kelas ini boleh wujud disebabkan oleh kurangnya kesedaran murid-murid tentang pentingnya menjaga kelakuan dan kesan tingkah laku mereka terhadap P&P harian. Selain itu, saya juga boleh mengesan bahawa terdapat sebahagian daripada murid-murid saya tidak berminat untuk belajar, terutamanya mereka yang lemah. Faktor ini juga menyumbang ke arah tingkah laku negatif yang ditunjukkan mereka dalam kelas. Selain itu, kawalan kelas yang lemah dan tidak memuaskan boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Sekiranya saya tidak membetulkan keadaan ini, saya pasti murid-murid dalam kelas ini tidak akan mengubah tingkah laku negatif yang ada pada mereka sekarang. Lama-kelamaan masalah akan menjadi lebih serius dan seterusnya mengundang pelbagai masalah sosial kepada diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan juga tanah air kita. Bak kata pepatah “ Melentur buluh biarlah dari rebungnya”, sebagai

seorang guru, saya harus berusaha untuk membantu sewaktu mereka masih lagi di peringkat sekolah rendah sebelum terlambat.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya pada kali ini adalah berkaitan dengan kawalan kelas dari segi modifikasi tingkah laku yang bermasalah dalam kelas.

Menurut Woody (1992) semua tingkah laku di sekolah dapat diperlihatkan dalam berbagai bentuk dan ragam. Kanak-kanak yang menghadapi masalah tingkahlaku tidak boleh menyesuaikan dirinya dengan kelakuan-kelakuan yang diterima oleh masyarakat dan selalunya keadaan ini menjejaskan keadaan pelajarannya, keupayaan untuk belajar dan perhubungannya dengan orang lain.

Menurut Atkinson (1990) tingkah laku bermasalah / negatif adalah merupakan tingkah laku yang terkeluar daripada kehendak, norma-norma dan nilai sesuatu masyarakat. Tingkah laku negatif ini boleh merangkumi tingkah laku destruktif, tingkah laku desruptif, pergantungan berlebihan, tingkah laku kebimbangan dan sebagainya.

Modifikasi tingkah laku boleh ditakrifkan sebagai satu rancangan untuk memodifikasikan tingkah laku bermasalah ke satu matlamat yang telah ditetapkan dengan teknik yang sesuai (Ragbir Kaur a/p Joginder Singh, 2005). Setiap guru mesti ada satu bentuk sistem pengurusan tingkah laku kawalan kelas, pembelajaran yang sihat dan produktif.

Menurut Eileen (2000) dalam kajiannya tentang kawalan kelas, selalunya sistem kawalan kelas yang lemah menjadi punca utama kebanyakan proses P&P tidak dapat dijalankan dengan baik. Keadaan ini timbul disebabkan oleh beberapa perkara seperti, kurangnya minat murid terhadap proses P&P serta kaedah tradisional dalam proses P&P masih digunakan. Tambahan pula, kurangnya rasa hormat kepada guru serta hilang rasa tanggungjawab sebagai seorang murid juga menyebabkan mereka sering tidak mengendahkan tugas dan arahan yang diberikan oleh guru.

Menurut Stone (2007), kalau tingkahlaku boleh dipelajari maka sudah tentu ia boleh diubah atau diubahsuai. Oleh itu, saya juga percaya bahawa tingkah laku negatif yang ada pada murid-murid saya dapat diubah dengan menggunakan Kaedah Ganjaran dan Hukuman yang bakal saya laksanakan.

Kaedah Ganjaran dan Hukuman ini merupakan sebuah kaedah yang diolah dari Teori Pelaziman Operan Skinner. B. F. Skinner (1958) mempercayai bahawa sesuatu tingkah laku itu dipengaruhi oleh faktor peneguhan sama ada ganjaran atau dendaan. Dengan adanya ganjaran dan hukuman yang sesuai, maka tingkah laku positif dapat dikekalkan manakala tingkah laku yang negatif murid-murid akan diubah. Menurut Skinner, pelaziman operan terdiri daripada empat konsep utama iaitu, peneguhan, denda, prinsip premack dan pelupusan.

Peneguhan positif ialah memberikan sesuatu ganjaran setelah perlakuan itu ditunjukkan yang menyebabkan perlakuan itu diulangi atau diperkuatkan lagi. Menurut Rahil Mahyuddin (2002), peneguhan positif meningkatkan berlakunya sesuatu bentuk tingkah laku dengan adanya rangsangan tertentu. Sesuatu peneguhan itu boleh merupakan benda, sosial (seperti pujian) atau token (seperti markah ujian). Apa jua rangsangan yang boleh menambahkan kebarangkalian sesuatu tingkah laku itu akan disifatkan sebagai peneguhan positif.

Dendaan / hukuman adalah satu proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Tegasnya, dendaan adalah kesan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut. Ia juga bertujuan untuk menghentikan sesuatu tingkah laku yang tidak diingini.

Menurut Charles (2008), pada tahun 1960an, banyak guru-guru sekolah rendah mengaplikasikan Teori Operasi Operan dalam kawalan kelas mereka, memberi ganjaran kepada murid-murid yang menunjukkan tingkah laku baik dan tidak menghiraukan mereka yang menunjukkan tingkah laku yang tidak diingini.

Objektif Kajian

- i. Meningkatkan keberkesanan kawalan kelas menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman ke atas semua murid.
- ii. Menarik minat murid-murid ke atas pengajaran dan pembelajaran (P&P) harian dengan menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman.

Persoalan Kajian

- i. Adakah kaedah ganjaran dan hukuman dapat meningkatkan keberkesanan kawalan kelas?
- ii. Adakah kaedah ganjaran dan hukuman ini dapat menarik minat murid-murid ke atas pengajaran dan pembelajaran (P&P) harian?

PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Pemerhatian

Melalui pemerhatian saya selama seminggu di dalam kelas tersebut, saya telah mengenal pasti beberapa orang murid yang selalu tidak mendengar arahan dan bising sehingga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kelas. Selain itu terdapat juga murid-murid yang tidak suka berbincang dalam kumpulan sewaktu aktiviti P&P berkumpul dijalankan.

Temu-bual dengan guru kelas dan guru mata pelajaran Sains.

Saya telah temu bual dan berbincang dengan guru kelas serta guru mata pelajaran Sains untuk lebih mengenali latar belakang, kelakuan dan masalah yang mungkin dihadapi oleh murid-murid saya. Ini adalah untuk memudahkan saya mengenal pasti punca masalah kawalan kelas tersebut boleh berlaku dan kemudian mencari jalan penyelesaian yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

Perlaksanaan Tindakan


Peraturan-peraturan Kelas

Pada minggu kedua, saya telah memperkenalkan satu set peraturan-peraturan yang ringkas kepada murid-murid dalam kelas. Peraturan-peraturan tersebut saya paparkan dalam bentuk PowerPoint dan juga satu jadual untuk dilekatkan dalam kelas.

Peraturan-peraturan yang dikenakan adalah seperti berikut :

1. Murid-murid dikehendaki untuk tidak membuat bising sewaktu P&P dijalankan.
2. Murid-murid boleh berbincang dalam kumpulan sewaktu aktiviti berkumpulan dijalankan, tetapi dengan nada suara yang lembut.
3. Murid-murid harus bekerjasama dalam kumpulan masing-masing sekiranya aktiviti berkumpulan dijalankan.
4. Murid-murid harus mematuhi segala arahan yang diberikan oleh guru sewaktu P&P dilaksanakan.
5. Murid-murid harus menghantar kerja rumah atau kelas yang diberikan pada masa yang telah ditetapkan.

Kaedah Ganjaran dan Hukuman



Rajah 1. Memperkenalkan papan ganjaran.

Seterusnya, saya memperkenalkan satu papan ganjaran (Rajah 1) kepada murid-murid dalam kelas. Melalui papan ganjaran ini, terlebih dahulu saya akan membahagikan murid-murid ke dalam 9 kumpulan kecil (Rajah 2). Setiap kumpulan mempunyai nama kumpulan tersendiri yang berlandaskan kepada nama animasi kartun. Antara nama yang digunakan: *Angry Bird*, *Ben10*, *Pokemon*, *DragonBall Z*, *Bleach* dan sebagainya.



Rajah 2. Pembahagian Kumpulan. Setiap kumpulan tiga permata. Sekiranya tingkan laku murid-murid adaian baik sepanjang P&P yang dijalankan untuk satu sesi, maka satu permata akan diberikan kepada kumpulan tersebut. Manakala,

untuk kumpulan yang tidak mematuhi mana-mana peraturan-peraturan yang disenaraikan di atas , maka satu permata dari kumpulan mereka akan diambil oleh guru.

Kaedah ini akan dijalankan selama tiga minggu di kelas tahun tiga. Pada akhir tiga minggu tersebut. Kumpulan yang mengumpul permata terbanyak akan diberi ganjaran berbentuk hadiah misteri oleh guru. Untuk kumpulan yang jumlah permata terendah akan diberikan hukuman yang ditentukan oleh guru.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Seramai 45 orang murid (21 lelaki dan 24 perempuan) tahun tiga telah melibatkan diri dalam kajian tindakan pada kali ini. Sebahagian besar murid dalam kelas ini mempunyai prestasi akademik yang sederhana dan lemah, hanya sebilangan kecil sahaja anggota kelas adalah murid yang agak pandai dalam pelajaran.

Etika Penyelidikan

Saya telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah SK A, guru pembimbing dan guru kelas untuk menjalankan penyelidikan tindakan ini. Selain itu, saya juga mendapatkan persetujuan daripada peserta kajian sebelum mereka dilibatkan bersama dalam penyeldidikan ini.

Teknik Mengumpul Data

Pemerhatian

Saya mula melaksanakan pemerhatian dari 27 Jun 2012 sehingga 18 Julai 2012. Pemerhatian saya dibuat dengan bantuan rakaman visual. Data pemerhatian juga direkodkan dalam bentuk catatan dengan menggunakan instrumen borang pemerhatian.

Temu Bual

Kaedah temu bual juga saya gunakan untuk mengumpul data dalam PT ini. Temu bual ini telah dijalankan dalam dua sesi iaitu sebelum dan selepas kajian dijalankan. Saya telah memilih untuk menggunakan kaedah temu bual individu secara bersemuka. Instrumen yang digunakan dalam temu bual adalah soalan temu bual dibantu oleh rakamanan visual. Soalan temu bual yang saya gunakan adalah soalan jenis terbuka.

Soal Selidik

Selain itu, saya juga menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data-data yang diperlukan dalam penyelidikan tindakan ini. Soal selidik yang disediakan adalah berbentuk Kaedah Skala Likert.

Teknik Menganalisis Data

Analisis Kandungan

Analisis kandungan digunakan untuk membuat analisis bagi data pemerhatian, data temu bual dan data soal selidik. Dari segi pemerhatian saya telah membuat penganalisan catatan dalam borang pemerhatian bagi setiap P&P yang telah saya laksanakan. Saya meneliti setiap tingkah laku murid, tindak balas mereka, pergerakan, karenah, ekspresi muka dan yang penting sekali perubahan tingkah laku mereka. Bagi data temu bual, saya telah meneliti transkrip perbualan antara saya dengan peserta kajian saya. Rajah 3 menunjukkan salah satu contoh sedutan analisis kandungan pemerhatian.

Pemerhatian

- **Murid-murid tidak memberi salam** kepada guru dengan nada yang menghormati
- Apabila saya memulakan pengajaran, **murid-murid masih bercakap dan merayau-rayau** dalam kelas terutamanya murid A, B, C dan D.
- Terdapat tiga orang murid yang **mempersendakan guru apabila ditegur**.

Rajah 3. Contoh sedutan analisis kandungan pemerhatian. (27 Jun 2012).

Analisis pola

Dalam penyelidikan ini, saya juga telah menganalisis pola data yang dikumpul. Pola dalam kajian ini bermaksud corak atau persamaan atau perbezaan yang didapati menerusi pemerhatian, temu bual dan juga soal selidik. Analisis pola ini membantu saya dalam mengetahui sejauh manakah keberkesanaan kaedah ganjaran dan hukuman terhadap tingkah laku murid-murid bermasalah dalam kelas. Di samping itu, analisis pola juga menambah baik amalan saya dalam proses P&P dari segi kawalan kelas.

Teknik Menyemak Data Traingulasi Kaedah

Traingulasi kaedah merupakan proses penyemakan data di mana ia melibatkan penggunaan pelbagai kaedah untuk menyelidik fenomena yang sama. Antara kaedah yang saya gunakan adalah seperti pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Kesemua kaedah yang digunakan adalah demi mengenal pasti keberkesanan kaedah ganjaran dan hukuman.

Saya	Apakah pandangan cikgu terhadap kaedah ganjaran dan hukuman yang dilaksanakan?
Guru Kelas	Bagus, saya melihat murid-murid gemar dengan kaedah yang cikgu Ngu gunakan. Papan ganjaran yang digunakan dapat menarik murid-murid dalam pembelajaran dan juga sesuai dengan tahap murid tahun 3.
Saya	Apakah perbezaan tingkah laku yang boleh diperhatikan dalam murid-murid sebelum dan selepas kaedah ganjaran dan hukuman itu dilaksanakan?
Guru Kelas	Sebelum ini, murid-murid kelihatan kurang berdisiplin dalam kelas. Selepas penggunaan ganjaran, lebih senang untuk mengawal kelas. Malah, apabila saya mengajar, mereka selalu bertanya saya, "Bilakah ada kelas cikgu Ngu lagi?"

GK (TB01): 170712

Pemerhatian

- Murid-murid tidak memberi salam kepada guru dengan nada yang menghormati
- Apabila saya memulakan pengajaran, murid-murid masih bercakap dan merayau-rayau dalam kelas terutamanya murid A, B, C dan D.
- Terdapat tiga orang murid yang mempersendakan guru apabila ditegur

ITEM	1	2	3
1. Kamu suka dengan Kaedah Ganjaran dan Hukuman yang cikgu gunakan.			
2. Ganjaran yang cikgu berikan meningkatkan minat kamu terhadap mata pelajaran Sains.			

Rajah 4. Traingulasi Kaedah.

Traingulasi Masa

Traingulasi masa merupakan proses pengumpulan data ke atas sesuatu sumber yang dilakukan dalam suatu tempoh masa yang panjang. Sebagai contoh, pemerhatian dan temu bual saya telah dibahagi kepada tiga iaitu sebelum, semasa dan selepas kajian dijalankan. Pemerhatian dan temu bual awal saya telah dijalankan seminggu sebelum kajian tindakan saya bermula. Manakala pemerhatian kajian pula saya laksanakan dalam tempoh tiga minggu sewaktu saya menjalankan kajian tindakan. Temu bual bersama dengan guru juga saya jalankan selepas kajian dibuat.

Traingulasi Penyelidik

Traingulasi penyelidik pula merupakan satu proses penyemakan data yang melebihi pelbagai pemerhati berbanding dengan pemerhati tunggal untuk menyelidik fenomena yang sama. Di sini saya telah meminta pertolongan rakan baik saya yang juga rakan praktikum saya, Loi Kuang Siang untuk membantu membuat

pemerhatian dalam kelas. Pemerhatian yang dibuat oleh kami berdua sepanjang kajian tindakan ini dijalankan telah dibandingkan bersama dan penginterpretasian dilakukan.

Pemerhatian saya	Pemerhatian rakan saya
<ul style="list-style-type: none"> - Apabila saya memulakan pengajaran, murid-murid masih bercakap dan merayau-rayau dalam kelas terutamanya murid A, B, C dan D. - Terdapat "kumpulan" di kalangan mrreka. Kurangnya semangat bekerjasama dalam kelas. - Terdapat murid yang kelihatan pendiam dan mengasingkan diri daripada rakan-rakan. - Terdapat lebih kurang lima belas orang tidak membawa buku teks dan buku latihan Sains ke sekolah. - Terdapat 20 orang murid-murid yang tidak menyiapkan /menghantar kerja rumah yang disuruh. 	<ul style="list-style-type: none"> - Apabila En.Ngu mula mengajar, murid-murid masih lagi berborak dan bercakap dengan kawan mereka. - Terdapat 3 orang murid yang tidak menerima teguran dari En. Ngu dengan baik. - Semangat bekerjasama dengan rakan dalam kelas adalah lemah. - Ramai murid tidak membawa buku text dan buku latihan Sains ke sekolah. - Terdapat agak ramai murid-murid yang tidak menyiapkan kerja rumah yang disuruh En. Ngu.

Rajah 5. Traingulasi Sumber.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- **Bagaimanakah kaedah ganjaran dan hukuman dapat meningkatkan keberkesanan kawalan kelas?**

Sepanjang penyelidikan tindakan ini, saya mendapati bahawa murid-murid tahun tiga saya telah menunjukkan perubahan dari segi tingkah laku negatif dalam kelas kepada yang positif ekoran penggunaan kaedah ganjaran dan hukuman. Daripada borang pemerhatian pertama (27 Jun 2012) yang dibuat oleh saya dan rakan saya En. Loi, boleh dirumuskan bahawa murid-murid dalam kelas tahun 3 menghadapi masalah tingkah laku negatif yang serius. Mereka seolah-olah menganggap guru itu tidak wujud dalam kelas, terutamanya murid-murid A, B, C dan D. Walaupun teguran diberi, mereka tidak menerimanya dengan hati terbuka, malah mempersendakan niat baik saya.

Selain itu, kelas ini juga kelihatan mempunyai masalah dari segi pergaulan di antara rakan mereka. Pemerhatian pada minggu pertama, saya melihat bahawa mereka hanya mahu bekerjasama dengan kawan baik sahaja. Terdapat 33% murid tidak membawa buku teks/ buku latihan ke sekolah apabila saya membuat pemeriksaan.

Yang mengejutkan saya adalah apabila kerja rumah diberikan, terdapat 40% di antara mereka tidak menyiapkan / menghantar kerja rumah yang diberikan.

Borang Pemerhatian	
Tarikh	4 Julai 2012
Tempat	Kelas Tahun 3
Masa	10.25am -11.25am
Nama Guru	En. Ngu Mee Kok
Pemerhatian	
<ul style="list-style-type: none">- Apabila saya memperkenalkan kaedah ganjaran dan hukuman kepada mereka, mereka kelihatan seronok dan teruja.- Murid-murid berjanji kepada saya agar mereka akan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.- Namun, apabila pembahagian kumpulan dilaksanakan. Terdapat beberapa orang murid tidak mahu berada dalam kumpulan yang ditetapkan.- Terdapat beberapa orang murid yang cuba mengasingkan diri daripada kumpulan mereka.- Murid-murid berebut untuk menjadi ketua kumpulan.- Mereka tidak mendatangkan banyak masalah kepada saya dalam kelas pada hari itu, termasuk yang murid A, B, C dan D.- P&P hari ini berjalan dengan agak lancar.	

Rajah 6. Borang pemerhatian sesi P&P kedua saya.

Dalam Rajah 6, didapati bahawa apabila saya memperkenalkan kaedah ganjaran dan hukuman kepada murid-murid, mereka kelihatan seronok dan gembira. Ini menunjukkan kaedah yang digunakan telah berupaya menarik minat murid. Walaupun terdapat sedikit masalah apabila pembahagian kumpulan dilaksanakan, namun masalah tersebut dapat diselesaikan setelah perbincangan dibuat. Sewaktu aktiviti berkumpul dijalankan, kelihatan terdapat beberapa orang murid yang duduk diam dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan. Murid-murid ini menunjukkan sikap cuba mengasingkan diri. Setelah saya melihat keadaan ini berlaku, saya cuba untuk mendapatkan maklum balas dari mereka. Melalui maklum balas yang diperolehi, didapati mereka ini sebenarnya adalah malu dan berasa kurang senang untuk bekerjasama dengan rakan mereka. Pada ketika itu, saya telah memberikan kata-kata galakan kepada mereka agar cuba untuk melibatkan diri. Secara keseluruhannya, P&P hari ini berjalan dengan agak lancar.

Borang Pemerhatian	
Tarikh	11 Julai 2012
Tempat	Kelas Tahun 3
Masa	10.25am -11.25am
Nama Guru	En. Ngu Mee Kok
Pemerhatian	
<ul style="list-style-type: none"> - Murid-murid memberi salam kepada saya dengan nada yang baik. “ Selamat pagi, Cikgu Ngu”. - Murid-murid menampakan sikap bekerjasama yang baik dalam kumpulan sewaktu aktiviti berkumpul dijalankan. - Terdapat beberapa kumpulan yang agak bising semasa aktiviti berkumpul dan saya telah bertindak dengan mengambil permata kumpulan mereka. - Semua murid telah menghantar kerja rumah yang diberikan walaupun bukan semua menghantar pada hari dan masa yang ditetapkan. - Murid-murid yang membawa buku teks dan buku latihan Sains telah meningkat kepada 90%. 	

Rajah 7. Borang pemerhatian sesi P&P ketiga saya.

Melihat kepada Rajah 7, didapati bahawa tingkah laku negatif yang ada pada murid-murid telah mula berubah kepada yang positif dapat dilihat melalui cara murid-murid memberi salam, bekerjasama dalam kumpulan, mengurangkan suara bising dan sebagainya. Selain itu, murid-murid kelas saya turut kelihatan lebih bertanggungjawab terhadap pelajaran dan diri mereka. Ini dapat dibuktikan melalui penghantaran kerja rumah untuk disemak dan murid-murid yang membawa buku teks dan buku latihan Sains turut meningkat. Pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut telah berjalan dengan lancar.

Borang Pemerhatian	
Tarikh	18 Julai 2012
Tempat	Kelas Tahun 3
Masa	10.25am -11.25am
Nama Guru	En. Ngu Mee Kok
Pemerhatian	
<ul style="list-style-type: none"> - Murid-murid memberi salam kepada saya dengan nada yang baik. - Murid-murid menampakan sikap bekerjasama yang tinggi sewaktu aktiviti berkumpul dijalankan. - Murid-murid memberi tumpuan dalam kelas. - Sikap murid-murid yang cuba mengasingkan diri dari kumpulan sudah tiada kelihatan. - Semua kumpulan menunjukkan prestasi yang baik sewaktu P&P - Murid dapat menjawab soalan-soalan yang ditanya dalam kelas. - Semua murid telah menghantar kerja rumah yang diberikan tepat pada masa yang ditetapkan. - Semua murid telah membawa buku teks dan buku latihan Sains ke selolah apabila ada mata pelajaran Sains. 	

Rajah 8. Borang pemerhatian sesi P&P keempat saya.

Berdasarkan Rajah 8, didapati bahawa semua murid-murid telah menampakkan perubahan tingkah laku negatif mereka kepada tingkah laku yang positif. Mereka telah mematuhi kesemua peraturan yang ditetapkan sebelum ini. Pengajaran dan pembelajaran kelas pada hari ini telah berjalan dengan amat lancar. Kaedah ganjaran dan hukuman ini telah menampakkan keberkesanannya dan banyak membantu saya dari segi kawalan kelas .

Untuk menyokong data-data pemerhatian saya, rakaman visual yang telah dibuat berikut juga dapat memberikan gambaran tentang keberkesanan kaedah ganjaran dan hukuman tersebut.



Rajah 9. Murid-murid membuat bising dan bermain dengan rakan-rakan. (Sesi P&P pertama).



Rajah 10. Murid-murid melaksanakan aktiviti dalam kumpulan secara baik dan teratur.(Sesi P&P keempat).

Selain itu, saya turut menemu bual dua orang guru di sekolah tersebut. Berikut merupakan transkrip temu bual bagi temu bual dengan guru kelas tahun tiga.

Transkrip temu bual dengan guru kelas tahun tiga

- Saya *Apakah pandangan cikgu terhadap kaedah ganjaran dan hukuman yang dilaksanakan?*
- Guru kelas *Bagus,saya melihat murid-murid gemar dengan kaedah yang cikgu Ngu gunakan.**Papan ganjaran yang digunakan dapat menarik minat murid ke atas P&P dan sesuai dengan tahap murid-murid tahun tiga.***
- Saya *Apakah perbezaan tingkah laku yang boleh diperhatikan dalam murid-murid sebelum dan selepas kaedah ganjaran dan hukuman itu dilaksanakan?*
- Guru kelas ***Sebelum ini, murid-murid kelihatan kurang berdisiplin dalam kelas.**Selepas penggunaan ganjaran, **lebih senang untuk mengawal kelas.** Malah, apabila saya mengajar, mereka selalu tanya saya,“ **Bilakah ada kelas cikgu Ngu lagi?**”*
- Saya *Bolehkah cikgu memberikan cadangan penambahbaikan ke atas Kaedah ganjaran dan hukuman tersebut?*
- Guru kelas *Cikgu boleh mencuba dengan kaedah yang berbeza lain kali.Contohnya, penggunaan ‘queuing’.*

GK (TB01) 17072012

Merujuk kepada transkrip temu bual tersebut, dapat dirumuskan bahawa kaedah ganjaran dan hukuman ini telah menunjukkan keberkesanannya dalam mengatasi masalah kawalan kelas. Menurut respon guru kelas, murid-murid sebelum ini kelihatan kurang berdisiplin dalam kelas. Selepas kaedah tersebut dilaksanakan, kawalan kelas telah menjadi lebih baik berbanding sebelum ini. Respon yang diberikan oleh guru kelas tahun 3 adalah selaras dengan respon guru sains.

Selain itu, soal selidik turut saya gunakan untuk mengumpul data kajian. Rajah 11 merupakan analisis data bagi soal selidik bahagian satu:

Item	Respon murid-murid			Jumlah Murid
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
1.	0	12	33	45
2.	0	5	40	45
3.	0	15	30	45

Rajah 11. Dapatan data soal selidik bahagian satu

Daripada hasil analisis soal selidik bahagian satu, boleh dirumuskan bahawa murid-murid telah menunjukkan perubahan tingkah laku mereka dari yang negatif kepada yang positif. Sebanyak 12 orang murid setuju bahawa mereka telah menunjukkan sikap yang baik dalam kelas selepas kaedah ganjaran dan hukuman digunakan. 30 tiga murid berkata bahawa amat setuju dengan kenyataan di mana mereka menunjukkan sikap dan tingkah laku yang baik dalam kelas. Ini bermakna murid-murid sedar dengan perubahan tingkah laku mereka sendiri. Semua murid-murid sedar bahawa mereka sekarang telahpun memberi tumpuan dalam kelas semasa saya mengajar selaras dengan soalan-soalan yang ditanya bagi menguji tumpuan mereka dapat dijawab dengan baik.

Sebanyak 15 orang setuju bahawa mereka memberikan kerjasama dengan kawan-kawan dalam kumpulan. 30 orang yang lain pula amat bersetuju dengan kenyataan ini. Keadaan ini amat berbeza sekali dengan kali pertama mereka berada dalam kumpulan masing-masing. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa hubungan dalam kalangan murid-murid saya telahpun menjadi lebih erat berbanding dengan sebelum ini.

Secara keseluruhannya, kaedah ganjaran dan hukuman ini telah menunjukkan keberkesanannya dalam mewujudkan kawalan kelas yang lebih baik berbanding dengan sebelum ini. Kaedah yang digunakan ini bukan sahaja dapat mengubah tingkah laku negatif yang ada pada diri murid-murid saya, malah dapat membentuk tingkah laku yang positif menggantikan unsur-unsur negatif sebelum ini.

- **Bagaimanakah kaedah ganjaran dan hukuman ini dapat menarik minat murid-murid ke atas pengajaran dan pembelajaran (P&P) harian?**

Saya telah menjalankan soal selidik dengan murid-murid saya berkaitan dengan minat mereka terhadap P&P sains setelah kaedah ganjaran dan hukuman dilaksanakan.

Item	Respon murid-murid			Jumlah Murid
	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
1.	0	17	28	45
2.	0	22	23	45
3.	0	10	35	45
4.	0	0	45	45
5.	0	0	45	45

Rajah 12. Dapatan data soal selidik bahagian dua.

Daripada hasil analisis dapatan data, boleh dirumuskan bahawa kesemua murid setuju dengan kaedah ganjaran dan hukuman yang digunakan oleh guru dalam kelas, di antara 45 orang murid, 28 di antara mereka amat suka dengan kaedah ganjaran dan hukuman ini.

Seramai 22 orang murid setuju dengan kenyataan yang mencatatkan ganjaran yang diberikan oleh guru berupaya untuk menarik minat mereka dalam pelajaran. Manakala selebihnya pula amat setuju ganjaran itu telah berupaya untuk menarik minat mereka.

Seramai 35 orang murid mengatakan mereka amat suka untuk mengikuti mata pelajaran sains yang diajar oleh saya. Selebihnya 10 juga mengatakan setuju.

Kesemua murid telah sebulat suara mengatakan mereka semua lebih suka akan ganjaran dan hukuman berbanding dengan guru memarahi mereka apabila melakukan sebarang kesalahan. Di samping itu, mereka juga berpendapat bahawa kaedah ganjaran dan hukuman ini haruslah diteruskan.

Temu bual yang dilaksanakan bersama dengan dua orang guru juga menampakkan bahawa murid-murid ini telah semakin meminati P&P yang dilaksanakan oleh saya.

Secara keseluruhannya, kaedah ganjaran dan hukuman ini telah berjaya menarik minat murid ke atas P&P saya dan juga mata pelajaran Sains. Kaedah ini juga berupaya mendapatkan sokongan daripada murid-murid saya untuk meneruskannya.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Selaku seorang guru, saya mempelajari banyak perkara yang baharu menerusi kajian tindakan ini. Ini merupakan kali pertama saya melaksanakan satu kajian tindakan di sekolah. Dengan ini, banyak halangan dan cabaran telah saya lalui. Masalah yang dijumpai pun tidak kurang. Namun, setiap masalah yang dihadapi telah saya cuba untuk selesaikan dengan sebaik-baiknya. Masa bagi seorang guru sememangnya amat terhad. Bukan sahaja perlu menjalankan kajian tindakan di sekolah, tetapi juga perlu menjalankan proses P&P di dalam kelas, menyemak buku, menghasilkan kertas soalan ujian dan sebagainya. Oleh itu, pengurusan masa yang efektif bagi seorang guru sememangnya amat penting.

Menerusi penyelidikan tindakan ini, saya telah dapat mengeratkan lagi hubungan dengan pihak pengurusan sekolah, guru-guru dan juga murid-murid yang terlibat dalam kajian tindakan saya. Sewaktu kajian dijalankan, guru-guru sekolah ini telah banyak menghulurkan bantuan kepada saya terutamanya apabila saya meminta pertolongan mereka untuk ditemu bual. Banyak juga yang telah mereka kongsi pengalaman mereka sewaktu menjalankan kajian dahulu. Murid-murid dalam kelas saya kelihatan lebih mesra dan erat terutamanya selepas saya menghabiskan kajian tindakan dengan mereka.

Selain itu, saya juga mempelajari tentang kepentingan membuat perancangan rapi sebelum melaksanakan sebarang tindakan. Perancangan yang dibuat haruslah mengambil kira beberapa aspek yang penting iaitu, aspek kekuatan, kelemahan dan juga sebarang kemungkinan perkara yang boleh menjadi penghalang kepada tindakan yang dilakukan.

Cadangan Kitaran Seterusnya

Setelah menjalankan kajian tindakan ini, saya berharap di masa hadapan, kajian-kajian lain yang berkaitan dengan kawalan kelas boleh dilaksanakan.

- i. Menggunakan kaedah ganjaran dan hukuman tetapi di kelas-kelas dan sekolah yang berbeza.
- ii. Menggunakan kaedah-kaedah yang lain dalam kawalan kelas.
- iii. Menggabungkan pelbagai kaedah dalam kawalan kelas.
- iv. Memulakan penyelidikan tindakan lain

KESIMPULAN

Kaedah Ganjaran dan Hukuman ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu meningkatkan keberkesanan kawalan kelas dan juga meningkatkan minat murid-murid terhadap P&P saya.

RUJUKAN

- Atkinson.R .(1990). *Introduction to Psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Charles .(2008). *Building Classroom Discipline, United States*: Pearson Education Inc
- Eileen Ferrance .(2000). *Action Research*, United States: The Education Alliance
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh .(2005). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Rahil Mahyuddin .(2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Skinner,B.F.(1958). *Teaching Machines*. New York: Appleton Century Crofts.
- Stone .(2007). *The Effects of Token Economy System to Improve social and academic behavior with a primary aged child with disabilities*. International Journal of Special Educatuon, 6(2), 15-23
- Woody, R.H .(1992). *School psychology: A developmental and sosial systems approach*. Boston : Allyn & Bacon.